DAFTAR ISI

SALAM REDAKSI

WARTA SERUMPUN
- Kuala Lumpur Sebagai Tuan Rumah Sidang Eksekutif Ke-49 Mabbim
- Syarahan Mabbim di Indonesia
- Syarahan Mabbim di Brunei Darussalam
- Syarahan Mabbim di Malaysia
- Musyawarah Sekretariat Ke-16 Mabbim
- Bengkel Penterjemahan Penulisan Ilmiah dan Karya Sastra
- Bengkel Terjemahan Mabbim
- Forum Bahasa
- Rapat Kerja Ke-50 Pakersa
- Bengkel Pelestarian Budaya Melayu
- Peraduan Menulis Surat Kabar Rasmi dan Surat Kiriman
- Pertandingan Pidato Bahasa Melayu
- Pelancaran Bulan Bahasa
- Kaji Selidik Keberterimaan Istilah Dasar
- Bulan Bahasa dan Sastra 2010

ARTIKEL
- Mabbim Salah Satu Memori Kesejarahan Indonesia-Malaysia
- Penanganan Leksikologi dan Leksikografi Tujuh Dialek Masyarakat Puak Jati, Brunei Darussalam
- Pemayar dan Pengimbas

RESENSI
- Gaya Bahasa Sastera Melayu
- Semantik dan Pengajaran Bahasa

PROFIL
- Prof. Mien Ahmad Rifai, B.Sc., M.Sc., Ph.D.
- Dato Paduka Haji Ahmad bin Kadi

BAHASA MENUNJUKKAN BANGSA

BULETIN
MABBIM

SALAM REDAKSI

Tidak terasa, setahun telah berlalu sejak terbitnya Buletin Mabbim Edisi Ke-2. Tahun ini, edisi ke-3 menyapa Bapak dan Ibu, Tuan dan Puan sekalian bertepatan dengan diadakannya pertemuan tahunan Mabbim. Buletin yang semula dijadwalkan hadir di hadapan kita setiap enam bulan akan hadir setiap tahun. Jadwal terbit per tahun tersebut berdasarkan keputusan dalam Sidang Eksekutif Ke-49 Mabbim. Semoga buletin ini tetap menjadi sarana komunikasi dan pertukaran informasi antarnegara anggota.

Sidang Eksekutif Ke-49 Mabbim di Malaysia menjadi liputan utama dalam edisi ke-3 ini. Kegiatan Syarahan Mabbim yang menghadirkan Prof. Dr. Multamia R.M.T Lauder dari Indonesia sebagai pensyarah atau penceramah utama di tiga negara anggota Mabbim menjadi warta yang menarik dalam *Warta Serumpun*. Selain itu, dalam edisi ke-3 ini dimuat berbagai berita tentang kegiatan Mabbim di Indonesia, Malaysia, dan Brunei Darussalam. Kegiatan yang diberitakan dalam *Warta Serumpun* itu adalah Musyawarah Ke-16 Sekretariat Mabbim, Rapat Kerja Ke-50 Pakersa, Bengkel Terjemahan Mabbim, Pertandingan Pidato Bahasa Melayu, Kaji Selidik Keberterimaan Istilah Dasar, Forum Bahasa, Peraduan Menulis Surat Rasmi dan Surat Kiriman, Bengkel Pelestarian Budaya Melayu, serta Bulan Bahasa di Indonesia dan Brunei Darussalam.

Dalam rubrik *Artikel*, Dendy Sugono mengajak kita menengok kembali perjalanan panjang Indonesia-Malaysia dalam Mabbim. Pada rubrik yang sama Junaini Kasdan memaparkan perihal istilah *pemayar* dan *pengimbas*. Masih dalam rubrik *Artikel,* Dayang Hajah Norati Bakar menjelaskan ihwal penanganan leksikologi dan leksikografi tujuh dialek masyarakat Puak Jati di Brunei Darussalam.

Kiprah pakar bidang ilmu Indonesia yang berperan besar dalam peristilahan bidang ilmu yang dihasilkan Mabbim, yakni Mien A. Rifai, dapat ditemukan dalam *Profil*. Dalam rubrik yang sama ditampilkan pula tokoh kebahasaan, Dato Paduka Haji Ahmad bin Kadi. Dia adalah tokoh Brunei Darussalam yang merintis jalan bagi Brunei Darussalam untuk menjadi anggota resmi Mabbim.

Dua buku yang dipilih dalam *Resensi* adalah *Gaya Bahasa Sastera Melayu* tulisan Umar Junus dan *Semantik dan Pengajaran Bahasa* tulisan Dr. Haji Jaludin Haji Chuchu. Kedua buku tersebut patut dimiliki oleh pembaca *Buletin Mabbim*.

Mudah-mudahan Buletin Mabbim Edisi Ke-3 yang terbit tahun 2011 ini dapat menjadi sumber informasi bagi pemerhati bahasa Indonesia/ Melayu.

Selamat membaca!

WARTA SERUMPUN

Kuala Lumpur sebagai Tuan Rumah Sidang Eksekutif Ke-49 Mabbim

Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) sekali lagi telah menyelenggarakan sidangnya yang ke-49 pada 7-12 Mac 2010 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Sidang selama enam hari itu, didahului dengan Sidang Pakar Ke-23 MABBIM yang diadakan pada 7-8 Mac 2010 di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur. Sidang Pakar pada kali ini melibatkan empat Jawatankuasa MABBIM, iaitu Jawatankuasa Peristilahan, Jawatankuasa Penyelidikan, Jawatankuasa Penerbitan dan Jawatankuasa Pemupukan. Selain penyelarasan jawatankuasa, sidang turut membincangkan taksonomi bidang Sains Sukan dan menyelaraskan istilah daripada dua bidang/subbidang ilmu, iaitu bidang Kewangan Islam dan bidang Psikologi subbidang Psikologi Sosial.

Majlis Perasmian Sidang MABBIM telah disempurnakan oleh YAB Tan Sri Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 9 Mac 2010 di Dewan Seminar, Menara DBP Kuala Lumpur. Dalam ucapannya, YAB Tan Sri Muhyiddin meminta supaya setiap anggota MABBIM menghayati dan menyegarkan kembali tujuan dan fungsi asal penubuhan majlis ini supaya sesuai dengan tuntutan semasa.

Beliau menegaskan bahawa usaha untuk memperkasakan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, bahasa teknologi dan bahasa utama dunia perlu disokong oleh pembentukan istilah-istilah ilmiah secara berterusan dan dikembangkan penggunaannya melalui penghasilan karya-karya ilmiah. Dalam majlis perasmian itu juga, turut dilancarkan buku-buku terbitan MABBIM, antaranya termasuklah Carik-carik Bulu Ayam: Kisah Runding Bahasa Dunia Melayu karya Prof. Emeritus Dato' Dr. Hajah Asmah Haji Omar, Tokoh Pembinaan Bahasa Melayu Serantau: 35 Tahun MABBIM karya Prof. Madya Dr. Raja Masittah Raja Ariffin, dan Siri Kajian MABBIM: Kajian Keberterimaan Istilah MABBIM Bidang Ekonomi dan Perbankan.

Sidang diteruskan dengan Seminar Kebahasaan dengan tema "Meningkatkan Daya Komunikasi Bahasa Melayu/Indonesia dalam Pemeliharaan Alam Sekitar/Lingkungan Hidup". Seminar selama dua hari itu, iaitu pada pada 9-10 Mac 2010 di Dewan Seminar, Menara DBP Kuala Lumpur telah membentangkan lapan kertas kerja dan satu laporan "Kajian Keberterimaan Istilah MABBIM dalam Bidang Ekonomi dan Perbankan".

Seminar tersebut merumuskan bahawa kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemeliharaan alam sekitar dapat dipupuk melalui peribahasa dan puisi. Penggunaan bahasa yang indah perlu diterapkan dalam pengajaran alam sekitar untuk memperkaya bahasa Melayu/Indonesia. Media juga memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat alam sekitar dalam bahasa Melayu/Indonesia kepada masyarakat bagi membina tanggapan dan membentuk sikap mereka terhadap alam sekitar. Selain itu, pendidikan massa dan penyaluran maklumat tentang alam sekitar perlu diperbanyakkan dalam bahasa Melayu/Indonesia supaya maklumat dapat disampaikan dengan tepat dan difahami oleh masyarakat di samping mengekalkan jati diri bangsa.

Pembentang kertas kerja dari Malaysia terdiri daripada Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Samad Hadi, Prof. Dr. Jamaluddin Md. Jahi dan Prof. Dato' Dr. Mohd. Yusof Haji Othman. Manakala dari Indonesia ialah Sri Hudyastuti, Dr. Andoyo Sastromiharjo, M.Pd., dan Sardi Duryatmo, S.Sos. Dari Brunei Darussalam pula ialah Dr. Yabit bin Alas, Awangku Harizan binti Pengiran Piut, dan pembentang khusus Laporan Kajian Keberterimaan Istilah MABBIM Bidang Ekonomi dan Perbankan, iaitu Prof. Madya Dr. Haji Jaludin bin Haji Chuchu.

Sidang diakhiri dengan berlangsungnya Sidang Eksekutif pada 11-12 Mac 2010 di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur. Antara perkara yang telah dibincangkan dan disepakati termasuklah penetapan bahawa pengajaran bahasa Melayu/Indonesia untuk penutur asing boleh menggunakan bahan yang digubal oleh negara masing-masing, juga penetapan tema bagi Seminar Kebahasaan sempena Sidang Ke-50 MABBIM, iaitu "Meningkatkan Peranan Bahasa Indonesia/Melayu dalam Penguatan/Pemerkasaan Jati Diri Bangsa". Selain itu, satu laporan "Kajian Keberterimaan Istilah MABBIM dalam Bidang Farmasi" dipersetujui untuk dibentangkan.

Syarahan Mabbim di Universitas Sebelas Maret, Surakarta, Indonesia

Syarahan Mabbim adalah program kuliah umum yang diselenggarakan di tiga negara anggota Mabbim dengan penceramah yang dipilih dari Indonesia, Malaysia, dan Brunei Darussalam secara bergiliran. Pada tahun 2010, Indonesia menjadi penceramah dalam kegiatan itu dengan topik "Meningkatkan Peranan Bahasa Indonesia/Melayu dalam Penguatan/ Pemerkasaan Jati Diri Bangsa". Prof. Dr. Multamia R.M.T Lauder dari Universitas Indonesia ditunjuk sebagai penceramah utama.

Ceramah di Indonesia diadakan di Universitas Sebelas Maret Surakarta, pada tanggal 22 Juli 2011. Penceramah/ pensyarah pendamping ialah Prof. Dr. Andrik Purwasito, D.E.A, Drs. Susanto, M.Hum., dan Drs. Sholeh Dasuki, M.S. Ceramah tersebut dihadiri sekitar 150 orang peserta yang terdiri atas guru, sastrawan, budayawan, mahasiswa, dan dosen, baik dari lingkungan universitas maupun dari perguruan tinggi lain di sekitar Surakarta.

Ceramah tersebut dibuka secara resmi oleh Dekan Fakultas Sastra dan Seni Rupa. Kemudian, dilanjutkan dengan ceramah utama oleh Prof. Dr. Multamia Lauder dengan materi ceramah "Bahasa dan Karakter Pembangunan Bangsa". Dalam ceramahnya Prof. Multamia menjelaskan situasi kebahasaan di dunia dan Indonesia dengan panjang lebar dan menarik. Banyak peserta yang memberikan berbagai tanggapan dan pertanyaan. Hal itu menambah semarak diskusi.

Sesi berikutnya diisi oleh Drs. Susanto, M.Hum. dan Drs. Sholeh Dasuki, M.S. yang berlangsung hingga tengah hari. Acara ditutup dengan pemberian cendera mata kepada para pemakalah. *(MH)*

Syarahan Mabbim di Malaysia

Salah satu kegiatan bagi Jawatankuasa Pemupukan MABBIM ialah Syarahan MABBIM, yang diadakan setiap tahun di ketiga-tiga negara anggota MABBIM. Bagi tahun 2010, giliran Indonesia menyediakan penceramah untuk menyampaikan syarahan yang bertemakan ekologi.

Seperti yang diputuskan dalam Sidang Ke-49 MABBIM, Syarahan MABBIM di Malaysia berlangsung pada 27 Julai 2010. Untuk melaksanakan syarahan tersebut, kali ini Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) memilih universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) sebagai penganjur bersama.

Peserta yang terdiri daripada 200 orang pelajar UPNM itu berpeluang mendengar syarahan bertajuk Bahasa dan Pembangunan Karakter Bangsa yang disampaikan oleh Prof. Dr. Multamia Retno Mayekti Tawangsih Lauder dari Universiti Indonesia. Pensyarah pendamping pada kali ini ialah Prof. Dr. Tengku Mohd. Sembok, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi, UPNM.

Syarahan MABBIM dilaksanakan dengan tujuan untuk berkongsi ilmu serta bertukar-tukar pakar atau tokoh syarahan antara ketiga-tiga negara anggota MABBIM, membincangkan hasil kajian atau penyelidikan mutakhir dan menyebarluaskannya dalam kalangan negara anggota MABBIM. Selain itu, tujuan syarahan adalah untuk menggalakkan penyelidikan di negara anggota MABBIM dan menerbitkannya untuk memperkaya kepustakaan Melayu.

WARTA SERUMPUN

Syarahan Mabbim di Brunei Darussalam

Majlis Syarahan Mabbim buat kali ketiganya dan melengkapi satu pusingan giliran syarahan telah diadakan di Brunei Darussalam pada hari Khamis, 29 Julai 2010, di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam. Syarahan kali ini dikendalikan oleh pihak Indonesia dengan mendatangkan Prof. Dr. Multamia Retno Mayekti Tawangsih, pakar dalam bidang geolinguistik dan selaku Dosen Pendidikan di Fakulti Ilmu Pengetahuan Budaya, Jabatan Linguistik, Universitas Indonesia.

Tajuk syarahan yang disampaikan ialah "Bahasa dan Pembangunan Karakter Bangsa". Prof. Dr. Multamia, dalam syarahannya menerangkan bahawa bahasa adalah salah satu kemampuan alamiah sehingga tidak

disedari tanpa bahasa, umat manusia tidak mungkin mempunyai peradaban yang di dalamnya termasuk agama, ilmu pengetahuan, dan teknologi. Kajian mengenai bahasa adalah perlu kerana hampir semua aktiviti manusia memerlukan bahasa, dan wawasan kebahasaan dapat dimanfaatkan untuk pembangunan karakter bangsa. Untuk meningkatkan peranan bahasa Melayu/Indonesia bagi membantu pembangunan karakter bangsa, penggalian nilai-nilai luhur budaya bangsa yang terkristalisasi dalam bahasa perlu dihidupkan kembali kepada generasi muda agar menjadi manusia modern yang tidak tercerabut dari akar budaya itu.

Kesimpulannya, pembangunan karakter bangsa tidak mungkin terlaksana tanpa operasionalisasi dalam bentuk program kerja, dan program ini akan menemui kesulitan jika tidak menggunakan bahasa yang posisinya bersifat sentral. Dengan demikian, bahasa Melayu/Indonesia serta bahasa daerah harus dikelola dengan baik supaya dapat berfungsi sebagai alat komunikasi yang efisien dan sebagai penyimpan khazanah budaya. Perancangan bahasa jangka panjang yang komprehensif adalah diperlukan meliputi fungsi dan peran bahasa Melayu/Indonesia, daerah dan asing sehingga dapat menunjang pembangunan karakter bangsa.

Musyawarah Sekretariat Ke-16 Mabbim

Musyawarah Sekretariat Ke-16 Mabbim dilaksanakan pada tanggal 2—3 Agustus 2010 di Hotel Sahid Jaya, Solo, Indonesia. Kegiatan ini beragenda menyimak hasil Sidang Pakar Ke-23 Mabbim, menyimak laporan dan menindaklanjuti Keputusan Umum Sidang Eksekutif Ke-49 Mabbim, membahas subtema Seminar Bahasa dalam rangka Sidang Pakar Ke-24 dan Sidang Eksekutif Ke-50 Mabbim di Indonesia, serta membahas Tata Kerja Mabbim. Di samping sekretariat yang bersidang, pakar Bidang Ilmu Pangan dan Bidang Ilmu Kelautan dari tiga negara juga bersidang untuk membahas taksonomi bidang ilmu masing-masing.

Dalam musyawarah tersebut hadir perutusan dari ketiga negara anggota Mabbim. Perutusan Indonesia dipimpin oleh Meity Taqdir Qodratillah, perutusan Brunei Darussalam dipimpin oleh Awang Mohd. Azurin Othman, dan perutusan Malaysia dipimpin oleh Tuan Haji Md. Johari bin Hasan. *(KK)*

Bengkel Penterjemahan Penulisan Ilmiah dan Karya Sastra

Bengkel Penterjemahan Penulisan Ilmiah dan Karya Sastera telah diadakan pada 25–30 September 2010, bertempat di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Bru-nei Darussalam. Di samping itu, pembentangan kerja yang signifikan dengan bengkel ini turut diadakan.

Bengkel ini bertujuan untuk memberi kefahaman tentang disiplin penterjemahan penulisan ilmiah dan karya sastera. Fasilitator bengkel ialah Prof. Emeritus Abdullah Hassan, Profesor Bahasa Melayu UPSI, Puan Norwati Md. Yusof, Pensyarah, di Unit Bahasa Asing dan Terjemahan, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Puan Hajah Fatimah Zainal, Editor, di Pusat Penyelidikan dan Pengembangan Sastera kanak-Kanak dan Remaja (PURNAMA), Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia.

Bengkel Terjemahan Mabbim

Sesuai dengan keputusan Sidang Ke-49 MABBIM, Jawatankuasa Pemupukan/Komisi Pembinaan telah menganjurkan Bengkel Terjemahan MABBIM pada 28-30 Jun 2010 di Menara Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Bengkel Terjemahan MABBIM yang melibatkan peserta dari Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam itu mempunyai objektif untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan tentang kaedah dan teknik penterjemahan yang betul dan bermutu tinggi; menambah dan melahirkan pakar dalam bidang terjemahan; dan menyelaraskan serta menyatukan teknik terjemahan melalui penyertaan tiga negara anggota MABBIM.

Sepanjang tiga hari bengkel berlangsung, para peserta telah dibimbing untuk mengenal dan mempelajari beberapa aspek penterjemahan melalui tajuk-tajuk seperti Definisi Terjemahan; Teori dan Jenis Terjemahan; Peringkat Penterjemahan; Aspek Semantik, Tatabahasa dan Kebudayaan dalam Terjemahan; dan Kaedah Menterjemah Kata Biasa, Peribahasa, Istilah dan Unsur Tatabahasa. Selain itu, peserta juga diberikan latihan menganalisis teks dan menterjemah, menyusun semula teks terjemahan mentah, serta menilai dan menyunting terjemahan mentah.

Pembimbing Malaysia terdiri daripada Prof. Emeritus Dr. Abdullah bin Hassan dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Puan Norwati binti Md. Yusof dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Puan Hajah Hanim binti Omar dari Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM) dan Tuan Syed Nurul Akla bin Syed Abdullah dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Pembimbing Indonesia pula ialah Dra. Emma L.M. Nababan dari Pusat Bahasa Indonesia, Jakarta.

Bengkel Terjemahan MABBIM diakhiri dengan majlis penutupan dan penyampaian sijil oleh Encik Rusli bin Abd. Ghani, Pengarah Jabatan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka.
(Diarani Mat Adam)

Rapat Kerja Ke-50 Pakersa

Seperti Rapat Kerja Ke-49 Pakersa pada tahun 2009, Rapat Kerja Ke-50 Panitia Kerja Sama Kebahasaan (Pakersa) pada tahun 2010 diselenggarakan di Hotel Permata Bogor, Indonesia. Kegiatan yang berlangsung tanggal 5—9 Juli 2010 ini dibuka oleh Dra. Yeyen Maryani, M.Hum. selaku Koordinator Intern Pusat Bahasa. Dalam sambutannya, beliau mengharapkan agar kegiatan tersebut dapat menjadi media pengembangan bahasa Indonesia. Beliau juga menekankan bahwa Pakersa sebagai forum kerja sama yang menghubungkan para pakar bahasa dengan para pakar berbagai bidang ilmu bertujuan untuk secara bersama memikirkan pengembangan bahasa Indonesia. Forum Pakersa ini menjadi bukti nyata bahwa pengembangan bahasa Indonesia bukan hanya menjadi tanggung jawab ahli bahasa, melainkan juga menjadi tanggung jawab para pakar bidang ilmu. Melalui kerja sama seperti ini, para pakar yang mengetahui persis substansi keilmuan terwadahi dalam memberikan padanan istilah bahasa asing yang tepat ke dalam bahasa Indonesia.

Pakar bidang ilmu dalam Rapat Kerja Pakersa kali ini terbagi dalam delapan kelompok, yaitu Kelompok Olahraga Subbidang Kejurulatihan, Psikologi Perkembangan, Ilmu Hukum Pidana, Ilmu Pangan, Ilmu Kelautan, Kamus Seni Tari Sunda, Kamus Seni Karawitan Sunda, dan Kelompok Umum. Pada tahap awal, setiap kelompok menyusun sekitar seribu istilah yang kemudian diberi padanan dalam bahasa Indonesia.

Rapat Kerja Ke-50 Pakersa ini menghadirkan Prof. Dr. Anton M. Moeliono dan Prof. Dr. Mien Rifai sebagai narasumber. Pakar bidang ilmu yang terlibat dalam kegiatan ini adalah Dr. Achmad Sofyan Hanif, M.Pd., Drs. Suroto, M.A., Ph.D., Dr. Anggadewi Moesono, Dr. Ike Anggraika, Dra. Ieda Purnomo Sigit Sidi, Sri Mamudji, S.H., M.L.L., Dr. Eva Achyani Zulfa, S.H., M.H., Dr. Ir. Ratih Dewanti, M.Sc., Prof. Dr. Umar Santosa, Prof. Dr. Imas Siti Setiasih, Dr. Tri Pratono, Drs. Mahmud Mustain, M.Sc., Ph.D., Dr. Susilohadi, Prof. Dr. Endang Caturwati, Lilik Suparli, M.Sn. *(KK)*

WARTA SERUMPUN

Forum Bahasa

Forum Bahasa sebagai salah satu kegiatan sempena Bulan Bahasa telah diadakan pada Pada 23 Oktober 2010, di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam. Forum Bahasa yang bertajuk " Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asean " telah disampaikan oleh Dr. Mataim bin Bakar dan dipengerusikan oleh Awang Md. Zefri Ariff bin Md. Zain Ariff.

Para peserta yang dianggarkan seramai 200 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan DBP, pensyarah UBD, mahasiswa-mahasiswi, pelajar-pelajar sekolah menengah kerajaan dan swasta serta masyarakat awam di samping wakil daripada Persatuan Masyarakat Riau, Jakarta (PMRJ) dalam rangka kunjungan muhibah mereka ke Brunei Darussalam atas undangan DBP.

Peraduan Menulis Surat Rasmi dan Surat Kiriman

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Brunei Darussalam telah mengadakan majlis penyampaian hadiah penghargaan kepada pemenang Peraduan Menulis Surat Rasmi dan Surat Kiriman pada 20 November 2010. Peraduan ini dilaksanakan dalam rangka memperingati Jubli Emas (50 Tahun) bahasa Melayu sebagai bahasa Rasmi Negara dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959.

Peraduan ini membawa tema "Gunakan Bahasa Melayu yang Betul dan Benar dalam Surat-Menyurat". Objektif peraduan tersebut ialah untuk memperkasa, memperkukuh dan mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara melalui surat menyurat, di samping bertujuan untuk memupuk dan meningkatkan kepekaan orang

ramai, pegawai dan kakitangan kerajaan dan swasta khususnya berhubung format penulisan surat rasmi yang betul.

Bengkel Pelestarian Budaya Melayu

Dalam usaha memartabat dan mendaulatkan bahasa Melayu melalui sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Brunei Darussalam telah melaksanakan Bengkel Pelestarian Budaya Melayu selama 5 hari pada 29 November 2010--4 Disember 2010.

Tenaga pengajar yang diundang ialah Asrizal Nur dan Eeng Koty, koreografer dari Alumnus Institut Kesenian Jakarta.

Para peserta terdiri daripada staf Dewan Bahasa dan Pustaka, staf Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, para penyair, belia dan mahasiswa yang dianggarkan seramai 68 orang. Bengkel diolah dalam bentuk pementasan seni iaitu media puisi yang dibaca atau dinyanyikan. Paparan foto gerak dan efek bunyi diketengahkan dalam usaha memperlihatkan sumbangan multimedia dalam memberi keindahan sebuah pesembahan seni bersama elemen-elemen budaya masyarakat Melayu Brunei Darussalam.

Antara lain tujuan bengkel ini diadakan adalah:

- Mendedahkan peserta bengkel kaedah kreativiti kepelbagaian intermezzo iaitu melihat pentas sebagai wahana kreativiti yang sangat berperanan dalam pelbagai pementasan seperti puisi berkolaborasi dengan muzik, lagu, puisi, tari dan teater;
- Menyuntik keberanian dan menggerak minda peserta bengkel/generasi belia iaitu bagaimana melihat sumber sekitaran sebagai satu potensi dalam mengembangkan bakat dan kreativiti muzikal teater;
- Menggalak seni pembacaan puisi agar tampil inovatif dan segar sehingga pembacaan puisi itu menjadi bahagian daripada pentas kesenian yang diperlukan dan digemari, dan meninggalkan pembacaan puisi yang bersifat monotónous.

Bengkel ini diungkayahkan dengan hasrat untuk merangsang pertumbuhan bakat-bakat muda khususnya para belia dalam kepengarangan dan kepengarahan pentas melalui latihan yang teratur.

Pelancaran Bulan Bahasa

Pelancaran Bulan Bahasa (BB) telah dilaksanakan pada 12 Oktober 2010 di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam. Majlis pelancaran BB ini seakan mengenang kembali sambutan BB pada 23 Julai 1962, iaitu selepas tiga tahun bahasa Melayu diperundangkan dalam perlembagaan. BB digemakan kembali dengan tujuan untuk mendukung manifestasi yang diungkapkan atas nama perpaduan, cinta bahasa, dan melestarikan penggunaannya.

Sempena pelancaran tersebut, satu syarahan perdana oleh Prof. Madya Dr. Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid dengan membawa tajuk " Bahasa Jiwa Bangsa: Pengakuan, Penerimaan dan Penghargaan". Antara yang ditegaskan dalam syarahan tersebut ialah bahasa Melayu harus dilihat dan terisi dalam dua ruang iaitu pertama, budaya yang akan membentuk sikap sekali gus merangsang reformasi diri atau dalaman bagi merealisasikan bahawa bahasa Melayu itu sebagai jiwa dan jati diri bangsa, dan kedua, ialah ruang pendidikan yang memainkan peranan penting untuk menjadi bahan organik murni dalam menyemaisuburkan pertumbuhan dan kesegaran bahasa Melayu sebagai budaya ilmu, falsafah dan kemahiran. Kedua-dua ruang ini harus menjadi primadona untuk mewujudkan pengakuan, penerimaan dan penghargaan kita kepada bahasa Melayu....

... kebudayaan harus menjadi reformasi pendidikan sebagai agenda utama demi mengembalikan pendidikan kepada agen dan teras kesepunyaan, kecerdasan, dan pengukuhan yang membudaya lantas kita menjadi orang pemandai, bijaksana, bestari dan sanggup berkorban untuk mempertahankan nilai dan martabat kemerdekaan negara bangsa....

Pertandingan Pidato Bahasa Melayu

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Brunei Darussalam telah melaksanakan Pertandingan Pidato Bahasa Melayu sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-26, pada 5 Julai 2010 di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam.

Pertandingan ini dibukakan kepada pelajar bukan Melayu khususnya pelajar tahun 9 berbangsa Cina. Seramai 14 orang peserta telah mengambil bahagian. Kegiatan ini dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat bukan Melayu tentang fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara seperti yang diperundangkan dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 Bab 82 (i). Program ini juga bertujuan untuk memupuk pelajar menggunakan bahasa Melayu yang baik dan benar.

Kaji Selidik Keberterimaan Istilah Dasar

Satu sesi Kajian Keberterimaan Istilah Dasar telah diadakan pada hari Selasa, 10 Ogos 2010, yang melibatkan 90 orang responden, terdiri daripada guru sains sekolah menengah daerah Brunei dan Muara. Kaji selidik berkenaan diadakan dalam rangka kerja Komisi Penyelidikan Mabbim. Antara lain tujuan kaji selidik berkenaan, ialah (i) untuk mengenal pasti keberkesanan pemberigaan dan pemasyarakatan bahasa Melayu yang dilaksanakan oleh Mabbim, dan mengkaji maklumat bahasa yang dikehendaki oleh pengguna bahasa Melayu khususnya di sektor awam.

WARTA SERUMPUN

Bulan Bahasa dan Sastra 2010

Pada Bulan Bahasa dan Sastra Tahun 2010, Pusat Bahasa mengangkat tema "Pembentukan Karakter Bangsa melalui Peningkatan Kualitas Bahasa dan Sastra Indonesia dan Daerah". Pengangkatan tema ini dilatarbelakangi keberagaman bahasa dan sastra di Indonesia yang menjadi salah satu alasan bangsa Indonesia dalam lebih memahami arti kesatuan. Dalam keberagaman bahasanya, bangsa Indonesia terhubung satu sama lain melalui bahasa persatuan, yaitu bahasa Indonesia. Dalam hal ini, bahasa Indonesia memegang fungsi sebagai sarana komunikasi yang menyatukan bangsa Indonesia.

Senada dengan dinamika dalam bahasa Indonesia, sastra Indonesia juga membentuk dinamika tersendiri yang pada akhirnya dapat mencuatkan nilai keragaman budaya Indonesia yang membentuk jati diri dan karakter bangsa Indonesia.

Seperti penyelenggaraan Bulan Bahasa dan Sastra tahun-tahun sebelumnya, Bulan Bahasa dan Sastra Tahun 2010 dimeriahkan dengan berbagai macam kegiatan, yaitu lomba, sayembara, festival, pementasan, penghargaan, dan layanan. Kegiatan ini diikuti oleh siswa, guru, mahasiswa, dosen, dan masyarakat luas. Peserta tidak hanya yang ada di Indonesia, tetapi juga di luar Indonesia. Peserta yang berada dari luar Indonesia adalah peserta Lomba Bahasa Indonesia bagi Penutur Asing (BIPA).

Kemeriahan Bulan Bahasa dan Sastra Tahun 2010 berujung pada tanggal 28 Oktober 2010 dengan Puncak Acara Bulan Bahasa dan Sastra 2010. Tanggal ini bertepatan dengan peringatan Sumpah Pemuda Ke-82. Ikrar menjunjung tinggi bahasa Indonesia sebagai bahasa persatuan menggema kembali pada pagi hari dalam upacara bendera peringatan Sumpah Pemuda yang mengawali puncak acara itu. Kekhidmatan dalam upacara di halaman Pusat Bahasa berganti dengan kemeriahan puncak acara di Gedung Samudra, Pusat Bahasa. Dalam Puncak Acara Bulan Bahasa dan Sastra Tahun 2010, diumumkan nama para penerima penghargaan dan nama para pemenang lomba, sayembara, serta festival. *Koran Tempo, Kompas, Media Indonesia, Republika, Sinar Harapan, Suara Pembaruan, Pikiran Rakyat, Seputar Indonesia, Kedaulatan Rakyat,* dan *Jawa Pos* adalah sepuluh media massa cetak yang menerima penghargaan dalam penilaian penggunaan bahasa Indonesia di media massa.

Selain penghargaan kepada media massa cetak, Pusat Bahasa juga memberikan Penghargaan Sastra kepada Alrizal Malna untuk kumpulan puisinya yang berjudul "Teman-Temanku dari Atap Bahasa", Linda Christanty untuk jurnalisme sastrawinya yang berjudul "Dari Jawa Menuju Aceh", dan Nukila Amal untuk kumpulan cerpennya yang berjudul "Laluba".

Ada dua lomba yang untuk pertama kalinya diadakan oleh Pusat Bahasa dalam memeriahkan Bulan Bahasa. Kedua lomba itu adalah Lomba Pembuatan Blog Kebahasaan dan Kesastraan serta Kuis Tiara Bahasa. Pemenang pertama dalam Lomba Pembuatan Blog Kebahasaan dan Kesastraan adalah Drs. Sawali, M.Pd., sedangkan SMA PGRI Depok menjadi pemenang dalam Kuis Tiara Bahasa.

Setelah melewati masa karantina dengan kegiatan yang sangat padat, pasangan Duta Bahasa dari Provinsi Bali menjadi Pemenang I dalam Pemilihan Duta Bahasa Tingkat Nasional 2010. Sementara itu pasangan Duta Bahasa dari Provinsi DKI Jakarta dan Provinsi Jawa Tengah menjadi Pemenang II dan Pemenang III.

Nama-nama pemenang dan penerima penghargaan yang diumumkan dalam Puncak Acara Bulan Bahasa dan Sastra Tahun 2010 itu secara lengkap dapat diakses melalui Laman Pusat Bahasa. *(KK)*

Mabbim Salah Satu Memori Kesejarahan Indonesia-Malaysia

Dendy Sugono
Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa, Kementerian Pendidikan Nasional RI

Dalam perjalanan kerja sama kebahasaan Mabbim selama 37 tahun, banyak hal yang dapat dijadikan pelajaran semua pihak. Ketiga negara bersepakat untuk memperbaiki organisasi dan tata kerja Mabbim. Misalnya, sidang majelis dijadikan dua macam, yaitu Sidang Pakar dan Sidang Eksekutif. Sidang Pakar diperuntukkan bagi pembahasan istilah bidang ilmu karena jumlah istilah yang harus ditangani makin luas dan banyak. Setiap tahun sekitar 9 bidang/subbidang ilmu digarap dengan jumlah sekurang-kurangnya 9.000 istilah. Adapun Sidang Eksekutif diperuntukkan bagi perumusan perencanaan pengembangan dan pembinaan bahasa kebangsaan serta penentuan kebijakan dan arah Mabbim dalam bentuk program kegiatan, pelaksanaan, dan evaluasi Mabbim. Untuk menampung berbagai permasalahan yang timbul dalam kehidupan masyarakat pengguna bahasa di negara anggota, sejak 1993 diadakan seminar bahasa dan sastra sebelum pelaksanaan Sidang Eksekutif. Pada Sidang Eksekutif Mabbim ke-47 tahun 2008 di Hotel Borobudur Jakarta, Indonesia, telah dilakukan perubahan pelaksanaan Sidang Pakar. Perubahan itu ialah bahwa Sidang Pakar yang semula dilaksanakan bulan September diubah menjadi bulan Maret sebelum pelaksanaan Seminar dan Sidang Eksekutif. Sementara itu, Seminar Sastra dipisahkan dari kegiatan Mabbim agar seminar lebih fokus pada masalah bahasa. Dengan demikian, kegiatan Sidang Pakar, Seminar Bahasa, dan Sidang Eksekutif dilaksanakan secara beriringan sehingga lebih efisien dan efektif.

Setelah menyelesaikan ratusan ribu istilah berbagai bidang ilmu, Mabbim meluaskan kerja sama mencakup penelitian, pengembangan tenaga kebahasaan (antara lain melalui penataran keahlian dan perkuliahan kebahasaan di negara anggota), penerjemahan, dan bengkel penulisan ilmiah, serta penerbitan jurnal ilmiah dan risalah (prosiding) seminar bahasa dan sastra.

Selama kurun waktu 37 tahun, Mabbim telah menghasilkan sekitar 410.000 istilah dari 37 bidang ilmu. Publikasi hasil pengembangan istilah itu telah dilakukan, yakni berupa Glosarium Istilah Asing-Indonesia (bagi Indonesia), dalam bentuk cetak dan cakram padat (CD). Selain itu, telah diterbitkan *Pedoman Umum Ejaan Bahasa Indonesia yang Disempurnakan Edisi Ketiga, Pedoman Umum Pembentukan Istilah Edisi Ketiga,* jurnal ilmiah *Rampak Serantau, Risalah (Prosiding) Seminar Bahasa dan Sastra, Pedoman Umum Penyusunan Kamus Bidang Ilmu*, dan terbitan lain yang berkaitan dengan bahasa. Mabbim telah berupaya memasyarakatkan hasil-hasil tersebut di negara anggota melalui bermacam cara, seperti penerbitan buku, media cetak dan elektronik, serta berbagai pertemuan/seminar.

Dalam hubungan dengan pengembangan leksikon, demi menjaga kenyamanan pengguna bahasa di kedua negara, kata ataupun istilah yang sudah mantap digunakan masyarakat tetap dipertahankan walaupun berbeda. Terkait dengan arah kebijakan itu, ada istilah bersetuju berbeda (*bus: bas, karena: kerana, bahwa: bahawa, berbeda: berbeza*). Saling menghormati perbedaan juga terjadi dalam sistem tulis, pemadanan kata atau istilah sumber (bahasa Inggris) berbeda kata, tetapi bersinonim maka itu disetujui sebagai istilah yang sama. Di sinilah terdapat saling menghargai situasi masyarakat yang berbeda di negara anggota. Demikian juga, dalam pemilihan padanan kata atau istilah yang memiliki makna dan berkonotasi negatif atau tabu bagi masyarakat Indonesia, masyarakat Malaysia, atau masyarakat Brunei Darussalam, kata atau istilah itu tidak dipilih atau tidak digunakan dalam komunikasi bersama (misalnya, kata butuh dalam masyarakat Melayu Malaysia, Brunei Darussalam, bahkan sebagian masyakat Indonesia serta ungkapan tempik sorak dalam masyarakat Indonesia).

Berkaitan dengan ejaan, dari sistem ejaan yang berbeda (Indonesia berangkat dari sistem ejaan Belanda dan Malaysia dari sistem ejaan Inggris), Mabbim dapat membahas dan menyepakati sistem ejaan yang sama dengan mengacu pada prinsip ejaan fonetik internasional (IPA), satu huruf melambangkan satu fonem (dj > j, tj > c) walaupun ternyata tidak sepenuhnya berlaku (nj > ny, ng tetap ng, ch > kh, sj > sy), dan huruf e yang melambangkan dua vokal (e dalam *emas, kode* dan e dalam *ekor, jahe*). Awalnya sebagian masyarakat Indonesia menolak karena sudah biasa dengan ejaan lama, tetapi akhirnya menerima pembaharuan tersebut karena tidak sekadar mengganti huruf-huruf tersebut, tetapi menyempurnakan sistem ejaan lama yang disusun Belanda, antara lain tentang penulisan preposisi (misalnya di dan ke) dan prefiks (di- dan ke-), yang semula penulisan kedua bentuk itu disamakan (digabung) menjadi dibedakan: prefiks tetap digabung (dibuat, ditulis, ketua, ketujuh), sedangkan preposisi dipisahkan dari kata yang mengiringinya (di bawah, di belakang, ke depan, ke kantor) Selain itu, dilakukan penyempurnaan kaidah penggunaan tanda baca.

Dilihat dari pengembangan peristilahan Mabbim, pemadanan (penerjemahan) istilah sumber (bahasa Inggris) dilakukan dengan menggunakan bahan kata/istilah bahasa Indonesia/Melayu, bahasa serumpun (di Indonesia bahasa daerah termasuk yang tidak serumpun), sedangkan penyerapan (adaptasi) kata/istilah dari bahasa sumber (Inggris) dilakukan dengan penyesuaian ejaan, lafal, ejaan dan lafal, atau tanpa penyesuaian. Pembentukan istilah dapat juga terjadi dari gabungan pemadanan/penerjemahan dan penyerapan. Di bidang ilmu dan teknologi ternyata sekitar 65% istilah diserap dari bahasa sumber (Inggris) sisanya dari bahasa Indonesia/Melayu, bahasa daerah, atau bentukan baru (termasuk akronim). Gambaran itu memberikan petunjuk bahwa bahasa Indonesia dan bahasa Melayu yang terkembangkan di Malaysia dan Brunei Darussalam, bahkan di Singapura, ke depan makin mendekatkan bangsa-bangsa itu karena kekuatan peristilahan bidang ilmu dan teknologi yang sama itu akan membentuk masyarakat generasi pelapis (generasi muda) berpikir, berekspresi, dan berkomunikasi dengan bahasa yang sama asalkan kita mau menggunakan dalam kehidupan bermasyarakat, berbangsa, dan bernegara.

Terkait dengan kata *indon* yang muncul dalam Dialog Kesejarahan Indonesia-Malaysia di Hotel Borobudur Jakarta bulan Maret tahun 2008, kata itu bagi masyarakat Indonesia sangat sensitif karena kata Indonesia bagi masyarakat Indonesia memiliki makna yang amat dalam mengacu pada masyarakat, bangsa, bahasa, dan negara yang diperjuangkan berabad-abad dari kekuasaan penjajah. Dalam Sidang Mabbim di Brunei Darussalam bulan Maret tahun 2009 telah diajukan oleh Mabbim Indonesia agar tidak digunakan sebutan *indon* untuk orang Indonesia. Pihak Mabbim Malaysia pun telah menyampaikan informasi bahwa sudah ada pedoman penggunaan bahasa Melayu bahwa kata-kata yang memiliki konotasi tak baik dianjurkan untuk tidak digunakan. Sekarang tinggal tugas kita bagaimana memasyarakatkan pedoman itu.

Saling menghargai/toleransi dalam kebersamaan sebagai bangsa bersaudara tampak dalam setiap pembahasan permasalahan kebahasaan termasuk hak cipta bersama atau hak cipta negara anggota sebagaimana tujuan dan arah kerja sama Mabbim. Pengembangan is-tilah yang disepakati menjadi hak cipta bersama dan pengembangan internal dan kekhasan menjadi milik negara anggota yang bersangkutan.

Atas dasar kiprah dalam pengembangan dan pembinaan bahasa Indonesia/Melayu, Mabbim tidak hanya berkontribusi pada kemajuan bahasa tersebut, tetapi juga telah memberikan sumbangan dalam rangka membangkitkan memori kesejarahan Indonesia-Malaysia bahwa kedua bangsa itu dapat saling menghargai dan menghormati dalam membangun sinergi kerja sama saling menguntungkan kedua pihak dalam memasuki tatanan kehidupan global.

Penanganan Leksikologi dan Leksikografi Tujuh Dialek Masyarakat Puak Jati, Brunei Darussalam

Dayang Hajah Norati Bakar

Dalam upaya mengkodifikasi bahasa-bahasa di Negara Brunei Darussalam, Dewan Bahasa dan Pustaka dengan dukungan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan sedang giat menangani Projek Penyusunan Daftar 7 bahasa/Dialek Brunei Darussalam. Pengekodan tujuh bahasa ini berdasarkan kepada tujuh puak yang diiktiraf dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959, iaitu puak Melayu Brunei, Kedayan, Belait, Tutong, Murut, Dusun, dan Bisaya .

Penyelidikan lapangan intensif telah dilaksanakan di tiga zon dalam daerah permukiman penutur bagi memperoleh data leksikal termasuk variasi leksikal dan fonologi. Dalam hubungan ini, daftar kata Swadesh dan leksikal budaya bahasa Melayu dijadikan rujukan semasa temu bual. Sesuai dengan kajian leksikologi dan leksikografi, dapatan leksikal dirakam dengan transkripsi fonetik dan fonetik akustik yang disokong melalui aplikasi Wavesufer. Metodologi ini bertujuan bagi memudahkah analisis, seperti analisis fonem dan analisis morfologi bagi melihat derivasi bahasa berkenaan serta analisis semantik yang berhubung kait dengan makna sama ada makna polisemi mahupun homonim berdasarkan kewujudan kolokasi dan pragmatik konteks.

Pada dasarnya penanganan leksikologi dan leksikografi bermatlamatkan serampang iaitu, (1) data yang diperoleh dimuat naik dalam pangkalan data sistem Gerbang Bahasa DBP, (2) menerbitkan daftar tujuh dialek dan (3) perancangan jangka panjang, iaitu penyusunan kamus puak yang belum didokumentasi antaranya kamus bahasa Belait, Murut, Dusun dan Bisaya. Sementara kamus/daftar bahasa masyarakat yang telah diterbitkan sebelum ini akan dikemaskinikan dengan beberapa pencirian berdasarkan pendekatan lapangan yang digunakan kini.

Pemayar dan Pengimbas

Junaini Kasdan

Setelah MABBIM berusia lebih daripada tiga dekad dan pelbagai kejayaan telah dicapai, ternyata bahawa ramai yang masih tidak menyedari kewujudannya, jauh sekali daripada mengenali sejarah penubuhan dan peranannya. Hasil kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa hanya satu daripada 120 orang responden (0.8%) mengetahui tentang keberadaan majlis kebahasaan ini. Responden berkenaan secara tidak sengaja menemukan maklumat tentang MABBIM ketika mencari maklumat berkaitan dengan Majlis Agama Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia yang secara kebetulan menggunakan singkatan yang hampir sama, iaitu MABIM, di internet. Persoalannya, mengapakah hal ini berlaku? Di manakah silapnya? Hal ini perlu difikirkan bersama.

Hakikatnya, MABBIM tidak sekadar menyatukan bahasa, tetapi juga menyatukan bangsa serumpun. Penyelarasan istilah di peringkat MABBIM merupakan satu usaha murni yang perlu diteruskan. Dengan mandat yang diberikan kepadanya melalui kuasa menteri masing-masing negara, MABBIM bukan sekadar bertindak sebagai "pengumpul" istilah, tetapi pemiawai istilah bahasa Melayu/Indonesia di peringkat serantau. Justeru, MABBIM perlu peka terhadap istilah-istilah yang diselaraskan, baik dari segi penggubalannya mahupun penyebarannya. Satu hal yang perlu diberikan perhatian oleh MABBIM ketika menggubal dan menyelaraskan istilah serantau ialah memastikan istilah yang dipersetujui sama benar-benar telus dari segi maknanya. Dengan kata lain, istilah-istilah yang digunakan dapat memberikan kesan kognitif yang sama kepada penutur bahasa negara anggota. Menurut Sperber (dalam Bou-France, 2002), when we communicate, we wish to share our thoughts, ideas, emotion, etc. with others. Kenyataannya, ada ujaran yang tidak dapat diinterpretasikan atau difahami oleh penutur masing-masing negara. Jika hal ini berlaku, bukan sahaja gangguan komunikasi yang tidak terelakkan, tetapi juga perkongsian maklumat/idea tidak akan berlaku. Dalam konteks kerjasama peristilahan MABBIM, hal seperti ini tidak dapat dihindari.

Kajian yang pernah dijalankan membuktikan bahawa jumlah istilah yang dipersetujui sama bukan ukuran sebenar untuk memperlihatkan persamaan. Sebanyak 42.4% daripada jumlah keseluruhan istilah yang diteliti didapati boleh menyebabkan salah faham (konflik), bahkan ada yang tidak difahami sama sekali (legap). Dengan mengambil contoh daripada istilah teknologi maklumat yang telah diselaraskan di peringkat MABBIM, tinjauan mendapati bahawa istilah pengimbas (Malaysia) dan pemayar (Indonesia) untuk padanan scanner yang dipersetujui sebagai sama masih dianggap sebagai istilah yang sangat sukar difahami (legap/opaque) bagi penutur bahasa di Indonesia dan Malaysia.

Dalam bahasa sumbernya (Inggeris) scanner ditakrifkan sebagai a device that can produce a digital image of a document for input and storage in a computer. It uses technology similar to that of a photocopier (http://www.tiscali.co.uk/reference/dictionaries/computers/data). Dalam bahasa Melayu dan Indonesia, ia dipadankan dengan istilah pengimbas (Malaysia) dan pemayar (Indonesia). "Pengimbas", dalam bahasa Melayu, berasal daripada kata "imbas" yang bererti (1) "arus udara (kerana orang mengipas, orang berjalan, dll); (2) arus elektrik; (3) dorongan (desakan)" (KD4 2005) yang mendapat awalan peN- bagi menerangkan "alat" atau "pelaku". Berdasarkan mata kasar, erti imbas tidak dapat menepati konsep "peranti yang digunakan untuk membaca aksara atau corak kod pada kertas dan menukarkannya kepada bentuk kod data yang dapat diproses oleh komputer" (KKom 1994). Namun, dalam bahasa Melayu, ada ungkapan "imbas-imbas" yang bermaksud "hampir sama (serupa), seakan-akan" (KD4 2005). Dengan meluaskan konsep "imbas-imbas" yang bererti "hampir sama atau serupa", maka ia dapat menepati konsep "daripada bentuk yang lain kepada bentuk yang lain, iaitu daripada bentuk aksara atau corak kod pada kertas kepada bentuk kod data, dan bentuk yang dihasilkan hampir sama atau serupa". Jadi, istilah pengimbas dirujuk kepada alat penukar yang dimaksudkan.

Bagi penutur bahasa Indonesia, istilah "pengimbas" ini sukar untuk diinterpretasikan apatah lagi untuk difahami kerana konsep "imbas-imbas" seperti yang dijelaskan tidak pernah wujud dalam ensiklopedik kognitif mereka. "Imbas" dalam KBBI (2001) diertikan sebagai (1) "gerakan atau aliran udara; (2) dorongan; (3) penyakit yang disebabkan oleh hantu yang lewat". Hal ini bererti, bagi penutur bahasa Indonesia, tidak ada sebarang maklumat yang dapat dimanfaatkan untuk meluaskan konsep imbas seperti yang terdapat dalam kognisi penutur bahasa Melayu, sedangkan untuk mencapai kerelevanan sesuatu ujaran, kesan kognitif amat diperlukan. Kesan kognitif hanya dapat dicapai dengan menghubungkaitkan konsep ad hoc atau andaian sedia ada dengan pendengar. Nyatanya, "pengimbas" tidak mampu memberikan sebarang klu kepada penutur bahasa Indonesia, tentang apakah makna yang cuba

disampaikan. Dalam hal ini istilah "pengimbas" gagal memberikan sebarang klu kepada penutur bahasa Indonesia.

Selanjutnya, sebagaimana sukarnya penutur bahasa Indonesia memahami istilah "pengimbas", maka begitu jugalah sukarnya penutur bahasa Melayu menginterpretasikan istilah "pemayar". Tidak ada sebarang klu yang dapat dimanfaatkan untuk mengembangkan kognisi penutur bahasa Melayu. Berdasarkan takrifannya, "alat yang dipakai untuk membaca sebuah dokumen yang tertulis pada sebuah kertas, dengan cara melewatkan pendeteksi image pada kertas tersebut. Alat ini mampu mengkonversikan citra ke dalam bentuk digital yang dapat disimpan atau diubah komputer" (Febrian dan Farida Andayani 2002), maka dapat diketahui bahawa awalan pe- yang menyertai istilah tersebut menerangkan maksud kata nama atau dalam hal ini "alat". Oleh itu, istilah tersebut dijangka berasal daripada kata "payar" atau "mayar". Namun, setelah merujuk KD4, kata "payar" tidak dijumpai. Pemilihan rujukan diteruskan dengan mencari makna kata "mayar" pula. Kali ini, dalam KD4, dijumpai kata "mayar" tetapi dirujuk pula pada kata "kelemayar" yang ertinya "binatang yg menyerupai lipan (liurnya bercahaya), intan cahaya (sinar) intan". Sekali lagi, penutur bahasa Melayu gagal mengembangkan konteks melalui ensiklopedia yang munasabah agar selari dengan keupayaan daya ingatan mereka. Hakikatnya, baik "payar" mahupun "kelemayar" masih tidak dapat memberikan klu kepada penutur bahasa Melayu untuk memahami istilah tersebut.

Kegagalan menemui sebarang maklumat dalam KD4 dan KBBI, mendorong penulis mencari maklumat yang lain dalam kamus IT berbahasa Indonesia. Daripada beberapa buah kamus yang dirujuk ditemukan istilah scanner, tetapi padanan istilahnya bukan "pemayar", sebaliknya pemindai. Dalam bahasa Melayu, "pindai" diertikan sebagai "melihat dengan bersungguh-sungguh, memandangi, memerhatikan" (KD4 2005), dan konsep "pemindai" lebih berpotensi untuk dikembangkan oleh penutur bahasa Melayu dan seterusnya dapat mengurangkan ketidakfahaman yang berlaku. Hakikatnya, "pemindai" bukan istilah yang dibakukan oleh Indonesia. Istilah "pengimbas" pula tidak dapat difahami sama sekali oleh penutur bahasa Indonesia, begitulah juga sebaliknya istilah "pemayar" tidak dapat difahami oleh penutur bahasa Melayu.

Perlu ditekankan bahawa perbezaan antara istilah Malaysia dengan Indonesia khususnya dalam rangka kerja peristilahan MABBIM sememangnya telah lama wujud. Ketidakselarasan yang sedemikian sememangnya tidak dapat dihindari kerana masing-masing istilah yang dipilih sudah mempunyai tradisi hayat yang lama di negara masing-masing. Selain itu, istilah yang dibentuk itu juga mewakili pandangan dunia (*world view*) penutur itu sendiri. Oleh itu, setiap perbezaan perlu dihormati kerana ia merupakan satu keunikan masing-masing bahasa. Menyedari hakikat tersebut, maka MABBIM membuat ketetapan bahawa dalam kerja penyelarasan istilah, ada kategori "istilah yang dipersetujui sama" dan "istilah yang dipersetujui berbeza". Dipersetujui sama dapat ditakrifkan sebagai berbeza leksikal tetapi mendukung makna yang sama, manakala berbeza seluruhnya pula dapat ditakrifkan sebagai berbeza leksikal dan berbeza makna. Dalam hal ini, tidak kira apa sahaja keputusan dan tindakan yang diambil oleh penggiat MABBIM, semangat serantau harus terus di pelihara demi kepentingan bahasa Melayu/Indonesia.

Semantik dan Pengajaran Bahasa

Dr. Haji Jaludin Haji Chuchu

Merupakan sebuah buku asas yang lengkap dan bermanfaat, bukan saja untuk semua lapisan akademis tetapi juga umum. Mendedahkan secara tuntas teori-teori asas semantik dan neurolinguistik yang mendasari beberapa pemikiran utama dalam kedua lapangan berkenaan termasuk secara teoritikal dan praktikal. Pada masa yang sama, penerapan bidang sedemikian juga diperlihatkan dalam aspek pengajaran bahasa terutama sekali dalam hal-hal yang berkaitan dengan sistem kognitif manusia, hubungannya dengan pemprosesan makna dan seterusnya aplikasi perkara berkenaan dalam bidang peng-ajaran dan pembelajaran. Dalam memberikan kejelasan yang optimum, penulis juga telah menyertakan satu kajian kes yang berkaitan dengan pengeksploitasian pengajaran bahasa Melayu di salah sebuah sekolah menengah di ibu negara. Aplikasi secara bertulis ini setentunya sangat penting bagi golongan siswa/siswi kerana hanya dengan cara ini mereka boleh melihat dengan lebih tuntas lagi penerapan beberapa aliran serta teori utama yang fundamental dalam aspek pembelajaran seperti Behaviorisme, Teori Wernicke dan Pemerolehan Semantik, dengan menggunakan metodologi lapangan yang sesuai. Manakala hasil daripada kajian kes tersebut secara tidak langsung juga membantu golongan tenaga pengajar untuk menerapkan kaedah yang sesuai dalam pengajaran masing-masing. Secara keseluruhannya, buku ini merupakan catatan kritikal yang amat bernilai dan munasabah untuk digunakan sama ada oleh mereka yang baru menceburkan diri dalam bidang linguistik dan pengajaran bahasa, atau bagi mereka yang sudah lama berkecimpung dalam bidang berkenaan. Pada masa yang sama, ia juga merupakan sumbangan yang bukan sedikit kepada koleksi buku-buku akademik tempatan yang setentunya bermanfaat kepada bangsa dan negara.

Volume 3, Tahun 2011

Bingkisan Terakhir Umar Junus

Judul : Gaya Bahasa Sastera Melayu
Penulis : Umar Junus
Penerbit : Dewan Bahasa dan Pustaka
Tahun : 2010
Pengulas : Mashitah Taharin



Gaya Bahasa Sastera Melayu, karya Umar Junus ini merupakan penerbitan di bawah projek Siri Monograf Sejarah Bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka. Buku ini merupakan salah satu hasil kajian yang berkaitan dengan sejarah bahasa Melayu, dengan tumpuannya kepada bidang stilistik atau gaya bahasa sastera Melayu. Kajian Umar Junus tentang gaya sastera Melayu sebelum abad ke-20 ini dapat menjadi titik tolak penting untuk kajian lanjut stilistik Melayu, baik yang berasaskan genre mahupun zaman.

Hasil kajian Umar Junus ini dapat memberikan perspektif baharu tentang gaya dalam sastera Melayu yang diungkapkannya sebagai "peluputan" sikap dan pemahamannya tentang gaya sastera lama. Bab-bab dalam buku ini yang mengupas gaya bahasa karya sastera Melayu sebelum dan dalam abad ke-20 pasti dapat memberikan kesegaran baharu tentang beberapa aspek stilistik Melayu. Umar Junus membina teori dan rumusan dengan berdasarkan data sastera Melayu itu sendiri, bukan berdasarkan tanggapan orang lain atau penyesuaian data dengan teori yang sedia ada.

Inilah antara kekuatan Umar Junus kerana analisis stilistiknya memang sering berbeza daripada kaedah kumpulan penyelidik yang lain. Mudah-mudahan penyelidikan selanjutnya dapat memberikan beberapa dapatan dan penemuan baharu tentang stilistik Melayu, yang amat penting untuk memahami sejarah perkembangan bahasa Melayu.

Buku kecil ini membawa kita mengembara ke dunia gaya bahasa. Kelainan genre mungkin mewujudkan kelainan gaya bahasa, maka persoalan gaya dalam buku ini juga dikaitkan dengan genre dan ini dapat dilihat melalui judul-judul bab buku ini.

Buku ini bukan sahaja memberi pengertian tentang gaya bahasa, tetapi juga berbicara tentang gaya bahasa pada zaman yang berbeza. Buku ini menyedarkan kita bahawa gaya bahasa tidak statik, tetapi dinamik dan selalu berubah. Tanpa perubahan tidak akan ada gaya bahasa. Kelainan gaya bahasa bukan sahaja ditemui pada dua karya dari dua masa yang berbeza, tetapi juga ditemui pada karya dari masa yang sama, yang ditulis oleh dua penulis yang berbeza. Inilah yang digarap oleh Umar Junus dalam buku kecil ini.

Antara teks yang menjadi kajian perbandingan dalam buku ini ialah Hikayat Amir Hamzah, Sulalatus Salatin, Syair Siti Zubaidah Perang China, Syair Madhi, Citra Melayu Nusantara, Syair Bidasari, Hikayat Hang Tuah, Salasilah Melayu dan Bugis, Hikayat Merong Mahawangsa dan Naskhah Melayu, Syair Agung yang mewakili karya- karya sebelum abad ke-20. Karya abad ke-20 yang dijadikan perbandingan kebanyakannya ialah karya penulis Indonesia, antaranya: Belenggu, Deru Campur Debu, Jalan Tak Ada Ujung, Senja di Jakarta, Pertemuan Jodoh, Ziarah, Kering dan Hempasan Gelombang. Manakala dari Malaysia ialah karya Shanon Ahmad, Seluang Menodak Baung dan Shit.

"Kita hidup dalam dunia anggapan dan bukan dalam dunia kajian. Oleh itu, kita tidak berusaha melunturkan (to unlearn) anggapan tersebut. Tanpa pelunturan terhadap anggapan itu, tidak mungkin diusahakan kajian ini. Kita membiarkan diri selamanya hidup dalam dunia anggapan dan menolak setiap usaha peniadaannya. Akibatnya, perkembangan kajian kita tentang sastera terhenti, sentiasa tetap tentang hal yang sama dan dengan cara yang sama. Cara ini perlu diubah". Demikianlah pesanan penulis dalam bahagian akhir buku ini sebelum menghembuskan nafas terakhirnya pada 9 Mac 2010, tidak lama selepas buku ini terbit.

PROFIL

Prof. Mien Ahmad Rifai, B.Sc., M.Sc., Ph.D.

Peneroka Mikologi Indonesia yang Pereka Cipta Istilah

Di usianya yang lanjut, lelaki yang lahir pada tahun 1940 ini masih tetap bersemangat dan bersahaja. Bersahaja. Ya, itulah kata yang biasanya berkesan pada setiap orang yang mengenalnya. Padahal, beberapa jabatan strategis pernah didudukinya, seperti Kepala Herbarium Bogoriense, Bogor (1968—1977), Asisten Menteri Negara Riset dan Teknologi (1995—2000), dan Sekretaris Jenderal Dewan Riset Nasional (1998—2004).

Jika mau, sebenarnya dia sudah pantas untuk membanggakan diri karena dalam usia yang sangat muda (26 tahun), pada tahun 1966 dia telah berhasil mempertahankan disertasi doktornya di University of Sheffield (Inggris) untuk bidang ilmu yang sangat langka bagi orang Indonesia, bahkan di dunia, yaitu mikologi khususnya taksonomi jamur. Dua tahun sebelumnya, dia meraih gelar M.Sc. di universitas yang sama.

Apabila ada orang yang mengatakan bahwa dia adalah kampiun di bidang mikologi, hal itu tidak salah. Karena keuniversalan bidang spesialisasinya dan keklasikan corak pendekatan penelitian mikologinya, tesis (1964) dan disertasinya (1966) berturut-turut diterbitkan *in toto* sebagai buku oleh lembaga-lembaga keilmuan Kerajaan Inggris (1969) dan Belanda (1968). Karena dianggap merupakan sumbangan nyata bagi kemajuan ilmu, pendapat dan sistem klasifikasi dalam karyanya itu segera diterima orang secara luas dan banyak dirujuk peneliti berikutnya (masih tersaksikan dalam publikasi ilmiah yang diterbitkan pada tahun 2010) serta diacu dan dijadikan contoh kasus dalam buku pegangan dan buku-buku teks standar mikologi internasional. Tidak hanya itu, sejak tahun 1976, lelaki yang lahir di Desa Gapura, Sumenep, Madura ini sudah diangkat menjadi Ahli Peneliti Utama (APU) di Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia (LIPI). Pada tahun 1993, karena kepakarannya dalam taksonomi tumbuhan, menantu mantan Gubernur Jawa Timur, Mohammad Noer (alm.) ini dikukuhkan sebagai guru besar luar biasa di Universitas Indonesia (UI).

Keluasan kepakarannya menyebabkan dia sering diminta duduk dalam berbagai komisi pengembangan ilmu, dari mulai botani (di Hawaii), mikologi (di London dan Tokyo), penaksonomian jamur (di New York), sampai permuseuman (di Paris). Bahkan, namanya sudah dijadikan eponim dan diabadikan dalam jenis pohon medang *Cryptocarya rifaii Kosterm* (*Lauraceae*—1974), jamur mangkuk *Peziza rifaii Moravec* (Pezizales—1994), dan cacing nematode *Syphacia rifaii Dewi & Hasegawa* (*Oxyuridae*—2010). Penamaan itu diciptakan penemunya untuk menghormati sumbangannya yang sangat bermakna bagi pengembangan botani, mikologi, dan nematologi.

Keterlibatannya dalam pengembangan bahasa Indonesia, khususnya peristilahan, dimulai pada tahun 1972 saat dia berhasil menghimpun istilah-istilah mikologi Indonesia berikut pedoman ringkas yang dipakainya. Buku himpunan berupa stensilan yang disebarluaskan oleh Herbarium Bogoriense itu ternyata menarik perhatian Lembaga Bahasa Nasional (yang sekarang menjadi Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa). Oleh karena itu, ketika diadakan rapat kerja Panitia Pembinaan Bahasa Indonesia pada awal tahun 1973, dia langsung diminta untuk mengetuai persidangan yang membahas draf "Pedoman Ejaan Bahasa Indonesia yang Disempurnakan" dan "Pedoman Umum Pembentukan Istilah". Bahkan, pada tahun 1974 dia ditunjuk menjadi salah seorang anggota perutusan dalam Sidang IV Majelis Bahasa Indonesia Malaysia (MBIM) di Semarang dan Sidang V di Johor Bahru.

Sejak mulai melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan kebahasaan itu, dia tidak pernah absen dalam pertemuan sanggar perkamusan, rapat Panitia Pembinaan Bahasa Indonesia yang kemudian diubah namanya menjadi rapat kerja Panitia Kerja Sama Kebahasaan (Pakersa), Sidang MBIM yang kemudian berubah namanya menjadi Sidang Majelis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (Mabbim) sejak bergabungnya Brunei Darussalam ke dalam majelis tahun 1985, Sidang Pakar Mabbim, dan seminar-seminar kebahasaan Mabbim. Menurut dia, keterlibatan dirinya itu dijalani apabila diyakini ada hasil nyata yang dapat ditunjukkan sebagai sumbangan pribadinya. Keyakinannya itu tidak berlebihan karena belasan kamus istilah biologi telah terbit yang kemudian dirangkum dan dimuarakan dalam *Kamus Biologi* dan *Glosarium Biologi*. Tidak dapat dipungkiri bahwa kehadiran kamus dan glosarium bidang keilmuan memungkinkan untuk ditulisnya segala macam artikel ilmiah yang paling mutakhir pendekatan dan metodologinya karena sudah tersedia khazanah peristilahannya.

Dalam berbagai kegiatan Mabbim, beberapa kali dia diundang sebagai pemakalah dalam kapasitasnya sebagai pakar biologi dan peminat bahasa. Dalam rapat Mabbim XXXI di Cisarua tahun 1993, dia merupakan salah seorang pencetus gagasan diterbitkannya majalah bersama *Rampak Serantau* oleh Mabbim. Dalam makalah yang dibacakannya dalam seminar kebahasaan Mabbim di Padang pada tahun 1996, secara provokatif dia pun menyuarakan gagasan keharusan bagi bahasa Indonesia untuk memiliki tesaurus untuk memenuhi perangkat kebahasaan yang sangat dirasakan keperluannya oleh para penulis Indonesia. Keinginannya tersebut terpenuhi pada tahun 2006 dengan terbitnya *Tesaurus Bahasa Indonesia* karya Eko Endarmoko dan *Tesaurus Alfabetis Bahasa Indonesia*-Pusat Bahasa. Tesaurus terbitan Pusat Bahasa seharusnya bisa terbit lebih dulu, tetapi dalam proses penyusunannya mengalami musibah serangan virus komputer yang merusak total data yang sudah dihasilkan dan belum sempat terselamatkan dalam bentuk tercetak.

Perhatian Mien Ahmad Rifai pada bahasa tidak terbatas hanya pada peristilahan saja. Sejak penerbitan edisi pertama pada tahun 1988, dia aktif sebagai pengumpul data dalam penyusunan *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Dalam edisi keempat yang terbit tahun 2008, dia pun diminta secara khusus mengembangkan lema yang berkaitan dengan budaya Madura. Selain itu, kecermatannya berbahasa menyebabkan dia banyak diminta menyunting pelbagai berkala nasional dan internasional di Indonesia, Inggris, dan Belanda. Sebagai pemandu dan penentu pembakuan penulisan karya tulis ilmiah, ditulisnya buku yang cukup fenomenal dan banyak dipakai orang, yakni *Pegangan Gaya Penulisan, Penyuntingan, dan Penerbitan Karya Tulis Ilmiah* yang diterbitkan oleh Gajah Mada University Press (tahun 2009 sudah mencapai cetakan ke-5 sejak pertama terbit pada tahun 1995). *(GH)*

Dato Paduka Haji Ahmad bin Kadi

Dato Paduka Haji Ahmad bin Kadi merupakan nama yang tidak asing lagi dalam kalangan penggiat bahasa baik di Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Indonesia mahupun Singapura. Beliau menjawat jawatan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1986 dan bersara wajib tahun 1992. Beliau adalah antara Pengarah DBP yang merintis jalan Brunei Darussalam menjadi anggota penuh dalam Mabbim pada 4 November 1985. Keanggotaan rasmi Brunei Darussalam berlaku setelah negara ini menimba pengalaman dan pengetahuan sebagai pemerhati dalam sidang-sidang Mabbim yang beliau sendiri pada ketika itu menjawat jawatan Pengarah DBP sekali gus sebagai Ketua Pemerhati. Setelah rasmi keanggotaan Brunei Darussalam, negara ini menerima manfaat besar iaitu pengayaan kosa kata bahasa Melayu melalui penggubalan istilah bidang ilmu dengan kerjasama para pakar bidang Mabbim. Pengayaan kosa kata bermakna berlakunya pengembangan kerja dalam bidang kamus bahasa. Dua perkara ini merupakan pencerahan bahasa yang tidak dapat tidak beliaulah peribadi yang memulakan titik pencerahan tersebut. Atas sumbangan bakti berkenaan beliau dianugerahkan Anugerah Khas Mabbim. Dan kerana komitmen mendalam beliau kepada bahasa, beliau dilantik sebagai pakar rujuk Brunei Darussalam dalam projek penerbitan Kamus Bahasa Melayu Nusantara yang diterbitkan pada tahun 2003.

Salah satu kertas kerja beliau yang menjadi rujukan penting apabila menyangkut isu sejarah pemerkasaan di Brunei Darussalam ialah Pengembangan dan Pembinaan Bahasa Melayu dan Matlamatnya (merujuk kepada Situasi Brunei Darussalam). Kertas kerja berkenaan mendokumentasi senario pelaksanaan, penggunaan dan kewajiban kerajaan dalam melaksanakan penggunaan dan pemerkasaan bahasa Melayu di negara ini sejak tahun 1984.

SUSUNAN REDAKSI

Penanggung Jawab:
Kepala Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa

Pemimpin Redaksi:
Yeyen Maryani

Redaksi Pelaksana:
Meity T. Qodratillah
Dayang Hajah Zainab binti Haji Mat Daud
Puan Diarani binti Mat Adam
Kity Karenisa
Ganjar Harimansyah
Deni Setiawan
Efgeni